

Digital Internal Audit Management System (i-Audit)

Sistem i-Audit UTHM dibangunkan bagi mewujudkan ekosistem pendigitalan pelaksanaan pengurusan Audit Dalam UTHM ke arah penyampaian fungsi penubuhannya dengan lebih efektif dan efisien selari dengan Pelan Strategik 2021-2025 UTHM serta Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025. Pembangunan sistem ini dilaksanakan secara berfasa dan dimulakan dengan penyediaan 4 modul utama iaitu Rancangan Audit Tahunan, Pengurusan Audit, Pemantauan Berterusan dan Dashboard Pelaporan. Modul Risk Assesment Audit, Audit Working Paper dan beberapa modul tambahan akan dibangunkan pada fasa berikutnya bagi melengkapikan proses penuh keperluan audit pada tahun 2030.

Pembangunan sistem secara “in-house “ ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa Penentuan Pembangunan Sistem (JPPS) pada 7 Februari 2025 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Digital Universiti (JPDU) pada 12 Februari 2025. Mesyuarat Kick-Off bersama pihak pembangun telah dilaksanakan pada 25 Mac 2025 melibatkan pihak Unit Audit Dalam dan pihak Pusat Teknologi Maklumat, UTHM.

Status : Dalam Fasa Pembangunan